

# Bersama capai sasaran KPI 100 peratus

Farah Suhaidah Othman

**AYER KEROH** - Penjawat awam di Melaka sama ada di peringkat negeri mahupun Persekutuan disaran mengambil peranan sekali gus meningkatkan komitmen masing-masing dalam menyokong segala usaha dan dasar dibawa Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Zaidi Johari berkata selaku ketua pentadbir kakitangan awam di negeri ini, beliau menyambut baik amanat disampaikan Ketua Menteri.

Katanya, pelaksanaan segala dasar yang dirancang Ab Rauf mampu meraih kejayaan dengan adanya kerjasama yang baik dalam kalangan kakitangan awam di negeri ini.

“Saya menyeru kakitangan di semua jabatan negeri mahupun Persekutuan, agensi kerajaan atau badan berkanun dalam Melaka untuk bersama-sama menjayakan segala dasar yang dirancang Ketua Menteri agar matlamatnya tercapai,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Environment Sensor Station-15 (ESS-15) dan Melaka Touch Point di Dataran Bandaraya MBMB, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Shadan Othman.

Pada 12 Januari lalu, Ketua Menteri dalam ucapan Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 yang bertemakan ‘Bijak Memimpin, Berani Bertindak’ di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini menetapkan sasaran pencapaian 100 peratus dalam petunjuk prestasi utama (KPI) sepanjang tahun 2024.

Ab Rauf Yusoh berkata, sasaran itu ditetapkan menerusi Mesyuarat Petunjuk Prestasi Utama Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Negeri pada 4 Disember lalu yang turut memberi fokus kepada kepimpinan digital.

Mengulas lanjut, Zaidi berkata dengan usaha keras antara semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri, Melaka mampu mencapai sasaran 100 peratus dalam petunjuk prestasi utama (KPI) sepanjang tahun ini.

“Berdasarkan rekod kita dan komitmen penjawat awam dan pentadbiran, insya-Allah apa yang dirancang dan disasarkan mampu dicapai,” katanya.



**ZAIDI** bersama Shadan pada Majlis Perasmian Environment Sensor Station-15 (ESS-15) dan Melaka Touch Point di Dataran Bandaraya MBMB, Ayer Keroh.